

Anak yatim harus berdikari

KUALA LUMPUR 24 Feb. — Perdana Menteri berkata, anak-anak yatim harus disedarkan bahawa mereka tidak memerlukan bantuan untuk selamanya, sebaliknya bantuan itu hanyalah sebagai asas untuk mereka bekerja keras atau belajar dengan tekun dalam memajukan diri sendiri.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, masyarakat perlu memikirkan cara terbaik dalam menyalurkan bantuan kepada anak-anak yatim agar bantuan itu dapat dijadikan asas untuk mereka berdikari.

“Oleh itu simpati masyarakat terhadap anak-anak yatim janganlah sampai “keterlaluan” kerana ia mungkin menjadikan anak-anak yatim gagal untuk berdikari,” katanya.

Beliau berkata demikian di majlis penyampaian bantuan Hari Raya kepada lebih kurang 431 orang anak yatim dari Persatuan Kebajikan Anak-anak Yatim Islam Wilayah Persekutuan, di sini malam ini.

Dr. Mahathir juga berkata, orang bukan Islam perlu mengikis perasaan terasing mereka terhadap orang Islam kerana tiada sebab untuk mereka merasai demikian.

Ini kerana orang Islam juga mengamalkan nilai-nilai baik seperti masyarakat bukan Islam, kata beliau.